



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN, 5 September 2022	
1.	Beri maklumat kartel ayam
2.	Peniaga naikkan harga ayam berdepan Tindakan
3.	48 Salai Smoke House optimis kembang perniagaan
4.	Video of soldier and his dog goes viral

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5.9.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Cakap-cakap sahaja tidak membantu - Alexander

Beri maklumat kartel ayam


Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan meminta orang ramai menyalurkan maklumat dan membuat aduan jika mengetahui ada pihak cuba mencatu bekalan ayam dalam usaha menaikkan harga melebihi harga siling RM9.40 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bantuan daripada orang awam itu akan memudahkan kerajaan bertindak.

Katanya, ini termasuk mendedahkan maklumat terperinci terhadap 'kartel ayam' yang didakwa mencatu bekalan ayam bagi meningkatkan harga mentah ke paras RM11.

Menurutnya, 'cakap-cakap' bahawa ada usaha mencatu bekalan ayam dan meningkatkan harga di pasaran tanpa membuat aduan lengkap kepada pihak Kementerian tidak akan membantu pihaknya bertindak dengan lebih cepat.



MENCATU bekalan anak ayam didakwa antara usaha kartel untuk mengawal bekalan ayam, sekaligus memaksa harganya dinaikkan.

"Kalau sesiapa yang ada maklumat dan maklumat tersebut diyakini, maka tampillah membantu kerajaan supaya kita semua dapat bersama-sama

menyelesaikan dan membendung isu yang sudah lama berlaku ini.

"Kalau orang awam tidak tampil dan isu ini terus diungkit

sehingga mencetuskan sensasi, maka situasi di pihak Kementerian pula bertambah sukar. Kami mahu tahu dan lakukan sebaik yang kami mampu," katanya semalam.

Utusan Malaysia kelmarin melaporkan, kumpulan kartel masih berusaha mencatu bekalan ayam di pasaran bagi memaksa harga bahan mentah itu naik sehingga RM11 sekilogram dengan mengawal pengeluaran anak ayam kepada penternak.

Alexander berkata, pihaknya juga sudah berbincang dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mempunyai bidang kuasa berhubung kepentingan sektor perniagaan dan pengguna.

"Selagi MyCC tidak membuat pengumuman kepada awam dan sebagainya, kami tidak membuat kenyataan rasmi yang mungkin bercanggah dengan prosedur suruhanjaya," katanya.

Katanya, Kementerian juga sentiasa menyemak sebarang kegiatan yang didakwa terlibat dalam aktiviti dan pencatutan harga selaras Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5.9.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Peniaga naikkan harga ayam berdepan tindakan – Mustapa

TUMPAT - Peniaga yang menaikkan harga ayam akan berdepan tindakan undang-undang kerana kerajaan masih lagi mengekalkan subsidi terhadap bahan basah itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sentiasa memantau harga ayam dan tiada sebarang kenaikan.

Katanya, pasukan itu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bekerjasama menerima input dan laporan daripada pengguna mengenai harga bahan basah tersebut.

"Kita sedia maklum beberapa rungutan bahawa bekalan ayam semakin mencabar dan harga anak ayam meningkat," katanya selepas melawat Laman Warisan di Kampung Laut di sini pada Ahad.

Mustapa yang juga ahli Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi berkata, mereka akan sentiasa memastikan harga ayam dapat distabilkan pada harga siling RM9.40.

"Kita masih memberi subsidi



Mustapa (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelancong tempatan dari Pahang yang melawat Laman Warisan di Tumpat pada Ahad.

kepada pengguna dan tidak mahu ada khabar angin mengenai kenaikan harga ayam," katanya.

Ketika lawatan itu, Mustapa turut mengulas mengenai projek Laman Warisan bernilai RM40 juta melibatkan Laman Seni, Masjid Kampung Laut dan Laman Warisan Serunding.

Katanya, lokasi yang siap sepenuhnya pada Jun itu merupa-

kan pusat pelancongan baharu di Kelantan dan mula menjadi tumpuan pelancong.

"Peniaga kini mula mendapat manfaat daripada projek yang diselenggara oleh Majlis Daerah Tumpat dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur selain peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," ujar beliau.

48 Salai Smoke House optimis kembang perniagaan

Produknya mendapat permintaan tinggi kerana disalai secara tradisi dari bara dan asap pembakaran tempurung kelapa

Oleh NORAFIDAH ASSAN
KUALA PILAH

Pengeluar produk salai dari syarikat 48 Salai Smoke House Enterprise yang beroperasi di Kampung Ibol, Batu 18, Terachi optimis mengembangkan perniagaan produk salai yang diusahakannya menembusi pasaran lebih luas di dalam negara.

Pengusahanya, Mohamad Saiful Nizam Jahaluddin berkata, sehingga kini produk salainya sudah menembusi pasaran di beberapa negeri antaranya Melaka, Johor, Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang.

"Buat masa ini kita ada itik salai, daging batang pinang salai, daging salai berlemak, ayam kampung salai dan ikan keli salai yang dijual dengan harga serendah RM12, RM27 hingga RM65 sekilogram.

"Produk utama yang mendapat sambutan menggalakan adalah itik salai dan daging batang pinang salai.

"Kedua-dua produk ini dijual lebih kurang 100 ekor itik salai dan daging salai



FOTO: 48 SALAI SMOKE HOUSE

Itik salai antara produk yang mendapat permintaan tinggi.



MOHAMAD SAIFUL
NIZAM

kira-kira 80 kilogram sebulan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, yakin dapat memperluaskan pasaran produknya berikutan melihat akan permintaan terhadap produk salainya semakin meningkat terutamanya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak Covid-19.

"Dalam tempoh dua tahun negara berdepan dengan wabak, kebanyakan perniagaan begitu sukar untuk bangun semula begitu juga dengan perniagaan salai ini.

"Bagaimanapun, sejak awal tahun ini

perniagaan saya semakin baik walaupun pada peringkat awalnya terpaksa berdepan dengan kekurangan bekalan itik pada Februari lepas dan ia meruncing selepas perayaan Tahun Baru Cina sebelum berlaku kenaikan harga," katanya.

Ujar Mohamad Saiful Nizam lagi, produk salai keluaran syarikatnya 100 peratus diusahakan oleh bumiputera malah ia dihasilkan dengan pembakaran asap menggunakan tempurung kelapa bagi mendapatkan aroma dan bau salai, dalam tempoh lebih kurang dua jam.

"Apa yang penting kualiti dan proses salai itu dilakukan dengan sebaiknya terutamanya dalam soal kebersihan dan selamat untuk dimakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5.9.2022	THE STAR	NATION	3

Video of soldier and his dog goes viral

PETALING JAYA: A video of a soldier cuddling his dog on a staircase after a National Day celebration has gone viral, touching the hearts of many.

The soldier in the video, who identified himself as Micro Junior, said he and the dog named Loki had served together for years as loyal buddies.

Both man and canine spent their last National Day celebration together as they would be going separate ways soon.

"This is our last celebration because we will be parting soon.

We have faced the minefields of life together over the years.

"He is my true friend," said the soldier.

A check on social media shows that the soldier is a Sarawakian native.

"I will be resigning because my service is coming to an end," he added in a comment on the video that was uploaded on the Panggilan Pertiwi Facebook page on Friday.

It even caught the attention of Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein, who thanked both of them for their dedication

and wished them the best in their future.

"Was touched when I saw the photos. The Micro Junior-Loki partnership will be remembered and appreciated forever.

"Thank you Micro Junior for your service and dedication.

"Hopefully Loki will continue to excel with its new master," said Hishammuddin.

The 25-second video has so far received almost 80,000 views and attracted reactions from over 3,200 users on Facebook, and a further 56,000 likes on TikTok.



Best friends forever:

Micro and Loki enjoying a quiet moment together during National Day in Kuala Lumpur.